

22/10/2001

Cuepacs minta penjelasan JPA

KUALA LUMPUR, Ahad - Gabungan Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mendapatkan penjelasan terperinci Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai kenaikan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10 peratus.

Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam, berkata pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Belanjawan 2002 Jumaat lalu, tidak menyentuh pencen pesara sektor awam.

"Saya sendiri belum pasti jika kenaikan 10 peratus ini membabitkan bayaran pencen dan akan mendapatkan penjelasan JPA esok.

"Walaupun pada tahun sebelumnya kenaikan gaji disusuli kenaikan pencen, ia tidak termasuk dalam pembentangan belanjawan, sebaliknya dilakukan kerajaan selepas mempertimbangkan permohonan pesara," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM), Tan Sri Abdullah Ayub, berkata pertubuhan itu mahu mendapatkan penjelasan sama ada kenaikan gaji kakitangan awam merangkumi bayaran pencen.

(END)